

17 NOV 1996

Mahathir-rizab

PEMBANGUNAN TANAH RIZAB MELAYU MESTI UNTUNGGAN MELAYU: PM

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sebarang bentuk usaha untuk memajukan tanah rizab Melayu harus memberi pulangan maksimum kepada kaum itu.

Semasa mengulas cadangan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi untuk mengemukakan pindaan kepada Majlis Tanah Negara supaya tanah rizab Melayu boleh dipajakkan kepada bukan Melayu bagi tempoh tertentu, beliau berkata: "Kita kena kaji, soalnya bukan pajak sahaja, tapi mesti dapat nilai tertinggi bagi orang Melayu sendiri.

Beliau berkata memandangkan cadangan itu sebagai usaha untuk menolong orang Melayu, pemilik tanah rizab Melayu seperti di Kampung Baru, di sini, tidak wajar membuat tuntutan tinggi nilai tanah mereka sama seperti harga tanah bukan rizab Melayu.

"Kita nak tolong orang Melayu, jika pemilik menuntut harga tinggi, kita terpaksa membangunkan kawasan itu dengan harga yang tinggi, nanti orang Melayu lain tidak dapat masuk kawasan itu. Kalau ini berlaku siapakah yang harus kita bantu," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah sekembali daripada lawatan luar negara.

Dr Mahathir berkata semasa beliau membangkitkan isu tanah rizab Melayu pada perhimpunan Agung UMNO bulan lepas, beliau tidak bermaksud membuat nilai tanah jenis itu naik.

"Kita ada matlamat lebih daripada itu, bagaimana nak membawa pulangan ekonomi yang maksimum kepada masyarakat dan bukan untuk seorang dua sahaja. Ini bukan mudah," katanya.

Dr Mahathir berkata kalau mahu membuat pembangunan atas tanah rizab Melayu, janganlah pemilik tanah jenis itu menuntut harga yang tinggi.

"Setahu saya tanah pertanian Melayu tidak seharusnya keluar geran hak milik, sesiapa nak masuk, boleh duduk di situ. Tetapi ada orang keluarkan geran dan orang itu tidak ada kemampuan membangunkan tanah itu.

"Disebabkan itu, orang itu (pemilik tanah) menuntut harga tinggi bagi tanah mereka sama seperti harga tanah bukan orang Melayu," katanya.

"Satu hari nanti bila kita berjaya tingkatan kekuatan orang Melayu, perbezaan antara tanah bukan rizab Melayu dan rizab Melayu barulah dapat mencapai matlamatnya," katanya.

-- BERNAMA

ARA AHH